

KERTAS CADANGAN UNTUK PERTIMBANGAN LEMBAGA PENGURUSAN MPC (BOM)

TAJUK Keterangan: Tajuk Projek/ Cadangan	Menyediakan Perkhidmatan Kajian Business Requirements Big Data Analytic Usahawan untuk Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi (MEDAC).
TUJUAN & LATAR BELAKANG Keterangan: tujuan dan penerangan ringkas mengenai projek	Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) berhasrat membangunkan Big Data Analytic Usahawan di peringkat nasional. Usaha ini akan merentasi pelbagai kementerian dan agensi di seluruh negara khususnya yang memiliki atau menjana data tentang usahawan. MEDAC telah pun mengenal pasti rangka kerja keperluan pengguna. Susulan daripada itu, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah dipelawa oleh MEDAC bagi mengemukakan kertas cadangan dan seterusnya dilantik untuk menjalankan kajian Business Requirements Big Data Analytic Usahawan yang bakal digunakan sebagai input atau panduan untuk pembangunan sistem tersebut. MPC turut bekerjasama dengan MEDAC dalam pelbagai usaha seperti amalan baik peraturan dan behavioural insights. Objektif utama kajian adalah untuk membangunkan Business Requirements untuk Big Data Analytic Usahawan di peringkat nasional.
KAEDAH PELAKSANAAN Keterangan: kaedah yang perlu dilakukan bagi melaksanakan projek	MPC akan melantik pembekal dan perlu melalui proses sebutharga dan perolehan
JANGKAAN HASIL/ OUTCOME Keterangan: apa yang MPC perlu capai/ faedah-faedah jangka pendek dan jangka panjang hasil dari intervensi projek/ cadangan	Empat (4) output kajian: berbentuk laporan di pelbagai peringkat: i. Laporan Awal (Inception Report) – melaporkan perancangan projek keseluruhan termasuk skop, metodologi kajian, jadual projek, pasukan projek serta struktur tadbir urus kajian. ii. Laporan Interim – melaporkan penambahan terperinci skop kajian, instrumen kajian, jadual kajian, proses pengumpulan data dan kaedah analisa data untuk skop perintis. iii. Draf Laporan Akhir – melaporkan hasil proses pengumpulan data serta analisa data. Perbincangan keputusan analisa dengan merujuk kepada skop kajian akan dibentangkan. iv. Laporan Akhir – melaporkan keseluruhan hasil kajian.
JANGKAAN OUTPUT Keterangan: output ketara dan tidak ketara yang dihasilkan daripada aktiviti projek/ cadangan.	i. Pengumpulan maklumat usahawan – profil, kewangan, program dan kebolehpasaran usahawan; ii. Pemetaan data merangkumi data berstruktur, tidak berstruktur dan separa berstruktur; iii. Prosedur kerja bagi penyelarasan data usahawan pada platform yang telah ditentukan; iv. Blueprint rangka kerja BDA Usahawan untuk pengumpulan data;

KUMPULAN SASAR Keterangan: individu/ kumpulan yang menerima faedah daripada projek/ cadangan	Usahawan seluruh Malaysia								
SUMBER BAJET/ KOS Keterangan: sumber bajet/ jumlah kos yang terlibat.	<table border="1"> <thead> <tr> <th>Perkara</th><th>Kos (RM)</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>a. Bayaran oleh MEDAC</td><td>560,337.00</td></tr> <tr> <td>b. Bayaran kepada pembekal</td><td>478,000.00</td></tr> <tr> <td>Lebihan (a-b)</td><td>82,337.00</td></tr> </tbody> </table> Sila rujuk Lampiran 1	Perkara	Kos (RM)	a. Bayaran oleh MEDAC	560,337.00	b. Bayaran kepada pembekal	478,000.00	Lebihan (a-b)	82,337.00
Perkara	Kos (RM)								
a. Bayaran oleh MEDAC	560,337.00								
b. Bayaran kepada pembekal	478,000.00								
Lebihan (a-b)	82,337.00								
GARIS MASA Keterangan: jadual mula dan akhir pelaksanaan projek/ cadangan	Oktober 2022- Jun 2023 (9 bulan) Sila rujuk Lampiran 2								
SYOR Keterangan: permohonan yang diperlukan daripada Lembaga Pengurusan MPC	Memohon kelulusan BOM bagi cadangan: Menyediakan Perkhidmatan Kajian Business Requirements Big Data Analytic Usahawan untuk Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi (MEDAC).dengan anggaran kos berjumlah RM478,000.00								
UNIT/ BAHAGIAN	MPC								

DISEDIAKAN OLEH:

NOR ATIKAH TAZUL AZHAR
Penolong Pengurus

DISEMAK OLEH:

MOHD HISYAM HATIMTAI
Pengurus Kanan

Lampiran 1

Penetapan kos perkhidmatan perunding bagi kajian ini menggunakan kaedah seperti di Bab 5 (Kos Perkhidmatan Perunding) di dalam Manual Perolehan Perkhidmatan Perunding Edisi 2011. Pihak MEDAC akan membayar kos kajian yang merangkumi yuran kajian dan kos imbuhan balik.

BIL.	Butiran Perbelanjaan	Jumlah (RM)
A.	Bayaran oleh MEDAC	
1.	Kakitangan ikhtisas	560,337.00
2.	Kakitangan separa ikhtisas/ <i>clerk of work</i>	
	Jumlah	560,337.00
B.	Yuran Perunding MPC	
3.	Kajian Lanskap Semasa Semasa	144,000.00
4.	Analisis Jurang	143,000.00
5.	Penyediaan Laporan Kajian	143,000.00
6.	Pekhidmatan Pakar Rujuk	48,000.00
		478,000.00
	Lebihan (A-B)	82,337.00

Lampiran 2

Garis masa pelaksanaan projek adalah seperti berikut:

